



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

## SIARAN MEDIA

---

### PELANTIKAN TAN SRI DATUK TER LEONG YAP SEBAGAI Pengerusi PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD (PSMB)

---

**PUTRAJAYA, 29 NOVEMBER 2023** - Menteri Sumber Manusia hari ini mengumumkan pelantikan Tan Sri Datuk Ter Leong Yap sebagai Pengerusi lembaga pengarah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) atau lebih dikenali sebagai HRD Corp.

Tan Sri Datuk Ter adalah seorang usahawan dan ahli perniagaan yang disegani di kalangan penggiat industri dengan pengalaman lebih 30 tahun dalam pelbagai industri. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal dari Universiti Malaya. Selain aktif dalam bidang perniagaan, beliau juga lantang memperjuangkan isu perpaduan nasional dan kebajikan sosial masyarakat. Atas sumbangan beliau, Tan Sri Datuk Ter telah dinobatkan sebagai Duta Perpaduan Nasional oleh Jabatan Perpaduan Nasional dan Integriti (JPNIN) bagi tahun 2016.

Beliau kini adalah Pengerusi Eksekutif Sunsuria Berhad. Di bawah kepimpinan beliau, Sunsuria Berhad telah berkembang daripada sebuah syarikat kecil kepada syarikat besar dalam industri pembangunan hartanah, kesihatan, pendidikan, pembinaan dan

banyak lagi. Selain itu, beliau juga telah membawa Sunsuria untuk disenaraikan di pasaran saham Bursa Malaysia.

Menteri Sumber Manusia mengalu-alukan Tan Sri Datuk Ter sebagai Pengerusi lembaga pengarah HRD Corp. Pelantikan ini semestinya akan memberi nilai tambah kepada HRD Corp dan membawa organisasi ini ke tahap yang lebih tinggi dalam meneraju agenda pembangunan modal insan negara.

**~ TAMAT ~**

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**